



**MALAYSIA
MADANI**

Buletin

JABATAN LAUT MALAYSIA

Edisi Mac 2023

Rumah Api Pulau Angsa, Malaysia



Jabatan Laut Malaysia



@lautmy



jabatanlaut

Laut di Wajah Ayah

Wajah ayah tenang
Terumbang di dada laut
Ribut yang berperang
Ombak yang menyerang
Angin marah membawa cabar
Langit teduh diselimutkan awan letih
Laut penuh drama
Laut penuh makna
Ayah mash mahu mencabar
Gelora duga

Di pantai yang rindu
Mereka menyusun gerun
Dan menghitung nasib
Sambil melayan mimpi
Yang belum pasti

Laut yang dibelah
Dengan fikrah kental
Di situ ada kekuatan
Di situ ada keyakinan
Ayah akan berkayuh
Di bawah gelombang
Di bawah harapan
Mencari seni yang tersembunyi
Di dasar perjuangan

Pada ayah pedulikan ribut air
Ia akan reda
Kalau kita kental berdayung
Dengan pemikiran

Pada ayah persetankan kehanyutan
Hanya untuk mereka
Yang takutkan
Kegagalan

Ayah akan ke laut jua
Kerana janjinya pada pantai
Setia pada ombak dan badai.

Solihin Osman,
Puisi Laut, Jabatan Laut Malaysia

LAWATAN RASMI PESERTA BENGKEL TEKNIKAL ALAT BANTUAN PELAYARAN DI SELAT MELAKA DAN SINGAPURA KE VTS KLANG, JABATAN LAUT MALAYSIA



2 Mac 2023 - Vessel Traffic Services (VTS) Klang telah menerima kunjungan daripada Peserta Kursus Bengkel Teknikal "Aids to Navigation" di Selat Melaka yang dianjurkan oleh *Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism* (MLIT), Japan dengan kerjasama MATRAIN telah disambut oleh En Burhanudin bin Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Kanan dan Pn Siti Nor Paizal Bin Husin, Penyelia VTS Klang, Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) serta pegawai dan kakitangan BPTBP.

Disamping sesi pengenalan Alat Bantuan Pelayaran yang diselia pihak JLM, lawatan ini juga bertujuan untuk mendapatkan pendedahan dan pengetahuan kepada peserta Bengkel mengenai sistem kawalan navigasi laut yang dipraktikkan oleh VTS Klang dalam mengurus tadbir dan memantau Alat Bantuan Pelayaran dan juga aliran trafik kapal-kapal dan khususnya di Perairan Selat Melaka.

SEMINAR PEMBANGUNAN KERJAYA MELALUI SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM) DAN MAJLIS PERASMIAN PENYAMPAIAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) TAHAP 3: PENGAWASAN KESELAMATAN PELABUHAN DI LEMBAGA PELABUHAN JOHOR



6 Mac 2023 - YBrs. Kapten Mohamad Halim Bin Ahmed telah menyampaikan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 bagi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS): DS-012-3:2015 (*Seaport Security Surveillance*) kepada 48 orang anggota Polis Bantuan dari Lembaga Pelabuhan Johor dan Terminal Pelabuhan Tanjung Langsat Di Lembaga Pelabuhan Johor.

Jabatan Laut Malaysia telah dilantik sebagai Badan Peneraju Industri (ILB) dalam Sektor Perkapalan dan Pelabuhan bermula pada 01 Januari 2018 hingga kini. Jabatan Laut Malaysia selaku ILB bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia berperanan dalam melahirkan tenaga pakar yang mahir serta diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia khususnya sektor perkapalan dan pelabuhan.



Turut hadir bersama ialah Pengarah MATRAIN, Ts. Dr. Julyus Melvin Mobilik, wakil Pengarah Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan, Encik Khairil Azizie Bin Che Mat, wakil Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Johor, Dr. Azhar Hasrin dan wakil Ketua Pegawai Eksekutif TLP Terminal Sdn Bhd, En Jeffri Bin Rahmat.

BENGKEL SISTEM JANJI TEMU JABATAN LAUT MALAYSIA



7 Mac 2023 – Bengkel Sistem Janji Temu Jabatan Laut Malaysia yang dilaksanakan secara hibrid ini telah disertai oleh wakil daripada Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sabah dan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan bertujuan untuk memberi pendedahan awal dan latihan kepada *Person in Charge* bagi melancarkan proses permohonan janji temu secara dalam talian. Bengkel ini telah disampaikan oleh En. Norazizul bin Bakar, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Unit Teknologi Maklumat dan Kerajaan Elektronik (UTMKE), Ibu Pejabat Laut.

CLOSING CEREMONY FOR THE TECHNICAL WORKSHOP ON THE AIDS TO NAVIGATION IN THE STRAITS OF MALACCA AND SINGAPORE



9 Mac 2023 – Captain Mohamad Halim bin Ahmed, Director General of Marine, Malaysia Marine Department (MMD), gave the closing remarks at the 11th Technical Workshop on the Aids to Navigation in the Straits of Malacca and Singapore (ATON Workshop). Twenty (20) participants from ten (10) ASEAN countries and one (1) ASIA Pacific region, including Indonesia, Malaysia, and Singapore (Littoral State), Brunei Darussalam, Cambodia, Laos, Myanmar, the Philippines, Thailand, Vietnam, and Papua New Guinea, attended this workshop, which was jointly organized by MMD and the Japanese government.

This workshop has been an annual program in collaboration with MLIT Japan and OMC Incorporated Japan. The importance of the ATON Workshop is to share information and technology about aids to navigation equipment from professional participants that attend this workshop.



This training program is one of the best ways to train and provide the necessary technical know-how for the participants to understand the mechanisms to enhance the efficiency of aids to navigation through the dedicated trainer (during lecture), sharing experience session among participants and the technical field trip to the lighthouses, has provided a holistic insight that could improve the participant's knowledge, experience and most importantly- networking among themselves.

KURSUS BASIC TRAINING (BT) BAGI PEMBANTU LAUT, JABATAN LAUT WILAYAH SELATAN



10 Mac 2023 – Jabatan Laut Wilayah Selatan dengan kerjasama Pusat Latihan Pasukan Polis Marin (PULAMAR) telah pun menjalankan kursus *Basic Training* (BT) untuk Pembantu Laut dari Jabatan Laut Wilayah Selatan di Institut Latihan Maritim (ILM) PULAMAR, Johor pada 05-10 Mac 2023.

Seramai 16 orang Pembantu Laut telah pun menyertai siri pertama kursus ini yang bertujuan untuk meningkatkan kekompetenan Pembantu Laut yang bertugas di Jabatan Laut Wilayah Selatan serta sebagai nilai tambah kemahiran asas dalam kerjaya mereka.

Kursus BT merupakan salah satu elemen wajib bagi seorang pelaut yang mana beberapa elemen asas survival akan diajar sebagai persediaan sebelum seseorang itu dibenarkan bekerja di atas kapal. Antara elemen yang diajar adalah *Elementary First Aid*, *Fire Fighting*, survival Teknik dan banyak lagi.

PROGRAM BUMI HIJAU PEJABAT LAUT TOK BALI DENGAN KERJASAMA KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JABATAN LAUT WILAYAH TIMUR



11 Mac 2023 – Pejabat Laut Tok Bali dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur telah mengadakan "Program Bumi Hijau" yang berkonsepkan lestari tani dengan penanaman pokok buah-buahan di sekitar perkarangan Pejabat dan kuarters Pejabat Laut Tok Bali. Program ini telah disertai oleh kakitangan Pejabat Laut Tok Bali dan ahli Kelab Sukan JLWT yang berkonvoi dari Ibu Pejabat Laut Wilayah Timur (Kuala Terengganu).

Sebanyak 14 anak pokok buah – buahan pelbagai spesis seperti Durian Musang King, Rambutan, Matoa, Mata Kucing, Mangga Harum Manis dan Kelapa Pandan Hibrid telah berjaya ditanam dan simbolik gimik perasmian telah dilaksanakan oleh Pengarah Laut Wilayah Timur, Tn. Hj. Abd Majid Bin Hj. Rais dengan menanam anak pokok Durian Musang King.

AMALAN RENDAH KARBON DALAM INDUSTRI MARITIM – MALAYSIA PERLU LEBIH RAMAI JURUTERA MARIN



13 Mac 2023 – Jabatan Laut Malaysia (JLM) terus mendukung dan membantu industri maritim menerapkan amalan rendah karbon dengan mengakreditasi Institut Latihan Maritim (ILM) berprestij seperti Politeknik Ungku Omar (PUO) melahirkan lebih ramai jurutera marin berkualiti tinggi untuk membantu Negara mencapai sasaran *United Nations Sustainable Development Goals* (UNSDG) membina masa depan yang lebih hijau dan mampan.

Mengikut laporan Lembaga Jurutera Malaysia, seramai 187,900 jurutera pelbagai disiplin mendaftar secara rasmi bersama Lembaga itu pada tahun 2022, dengan nisbah 1:170 jurutera kepada populasi Negara dan menunjukkan permintaan jurutera yang masih tinggi di Malaysia.

LANGKAWI INTERNATIONAL YACHT REGISTRY (LIYR) TERUS TARIK MINAT PEMILIK KAPAL LAYAR BERSAIZ GERGASI



14 Mac 2023 – Pendaftar LIYR mengadakan Sesi Libat Urus bersama pemain industri berkaitan kapal layar – Tropical Charters Sdn. Bhd. bagi mengembangkan keupayaan pendaftaran LIYR. Pendaftaran LIYR masakini berjaya menarik minat pemilik kapal layar bersaiz 500GT ke atas untuk mendaftar dengannya, sekaligus meningkatkan keperluan teknikal keselamatan dan garis panduan statutori mengenainya.

BENGKEL PENGHARMONIAN MALACCA AND SINGAPORE STRAITS ELECTRONIC NAVIGATIONAL CHART (MSS-ENC)



14-16 Mac 2023 – Bengkel Pengharmonian *Malacca and Singapore Straits Electronic Navigational Chart (MSS-ENC)* di Putrajaya, Malaysia sedang diadakan di Hotel Zenith Putrajaya. Bengkel ini dihadiri oleh delegasi-delegasi dari Negara Litoral iaitu Malaysia, Indonesia, dan Singapura manakala delegasi dari Jepun adalah moderator yang dilantik. Objektif Bengkel ini adalah untuk mengharmonikan dan memuktamadkan edisi ke 7th MSS-ENC untuk diterbitkan bagi kegunaan komuniti perkapalan.

LAWATAN RASMI KETUA PENGARAH LAUT KE PELITA AKADEMI, KUALA KUBU BARU, SELANGOR



15 Mac 2023 – Sempena sambutan Jubli Perak atas 25 tahun penubuhan Pelita Akademi, YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed selaku Ketua Pengarah Laut melakukan lawatan khas ke Institut Latihan Maritim (ILM) tersebut. Lawatan itu diiringi oleh delegasi Jabatan Laut Malaysia (JLM) iaitu Pengarah Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN), Pengarah Bahagian Pembangunan Perkapalan & Pelaut, Pegawai Kanan Jabatan Pembangunan Kamhiran (JPK), serta pegawai-pegawai JLM. Pengarah Urusan dan barisan pengurusan tertinggi Pelita Akademi memberikan penerangan tentang perkhidmatan ILM itu di Kampus Utama dan Kompleks Latihan mereka. Kedua-dua pihak juga berbincang berkenaan aspek latihan dan pendidikan maritim negara.

Ketua Pengarah Laut berkesempatan bertemu dan menyantuni pelaut-pelaut tempatan yang sedang berkursus. Beliau turut menyampaikan taklimat serta berkongsi pengalaman berharga ketika beliau aktif dalam pelayaran di atas kapal bermula dari gred bawah sehingga ke gred tertinggi iaitu Nakhoda Pelayaran Tanpa Had.

ILM di Malaysia merupakan institusi yang amat signifikan melentur susur-galur profesionalisme kerjaya seseorang pelaut. Industri perkapalan negara dan global mengiktiraf pelaut-pelaut lulusan ILM tempatan. Selain menyokong proses pembangunan kerjaya rakyat di arena kelautan, ILM turut menyumbang ke arah perkembangan sukatan latihan maritim sejajar dengan kehendak terkini industri.

Pelaut dan orang awam hendaklah hanya memilih untuk berkursus di ILM yang mempunyai akreditasi kelulusan oleh JLM. ILM yang tidak mendapat pengiktirafan JLM berpotensi merumitkan peluang pelaut membina kerjaya di bidang maritim. Pelita Akademi merupakan salah sebuah ILM yang mempunyai akreditasi oleh JLM.

JABATAN LAUT MALAYSIA GESA SEMUA PIHAK MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN BOT BERLESEN ATAU FERI PENUMPANG YANG SAH ELAK INSIDEN BERULANG



18 Mac 2023 – JLM yakin tragedi kematian 3 orang wanita akibat bot nelayan membawa 17 orang penumpang secara tidak sah yang bertembung dengan bot lain dalam Had Pelabuhan Lumut, Perak pada malam 6 Mac 2023 (Isnin) awal bulan ini dapat dielak sekiranya para penumpang memilih untuk menaiki bot berlesen atau feri penumpang berdaftar dengan JLM. Ini kerana integriti serta alat keselamatan setiap bot berlesen atau feri penumpang yang berdaftar dengan JLM ini telah diperiksa oleh Pemeriksa Bot atau Pemeriksa Kapal JLM, tekong atau pemandu bot telah menjalani ujian pemanduan serta memiliki perakuan kekompetenan yang sah dan bot atau feri memiliki insurans perlindungan kepada pemandu serta penumpang.

PROGRAM SANTAI DAN KEROHANIAN MERAPATKAN HUBUNGAN ANTARA AHLI KARIAH SURAU DAN MASYARAKAT SETEMPAT



18 - 19 Mac 2023 – Satu program gotong-royong telah dilaksanakan di Surau Al-Amin, Perumahan Kerajaan Jabatan Laut Malaysia W.P. Labuan. Program tahunan yang dianjurkan ini merupakan salah satu pendekatan yang diambil untuk memastikan persekitaran surau sentiasa dalam keadaan bersih serta selesa bagi menjalankan ibadat dan pelbagai aktiviti lain sepanjang bulan Ramadan. Aktiviti seumpama ini merupakan salah satu cara untuk menghimpunkan para penduduk, warga jabatan serta masyarakat setempat bagi membina ukhwah dan mengeratkan hubungan silaturahim.

Program ini telah berlangsung selepas Solat Fardhu Maghrib yang dipimpin oleh En. Muhammad Hafizi bin Daud, Penolong Pengarah Jabatan Laut Malaysia W.P. Labuan. Turut hadir mengimarahkan program ini ialah Tuan Alimuddin bin Amirudin, Pengarah Laut W.P. Labuan dan En. Ahmad Zawawi bin Saharuddin, Timbalan Pengarah Laut W.P. Labuan.

MISI BANTUAN PASCA BANJIR KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA TAHUN 2023



21 Mac 2023 – JLM Wilayah Selatan telah turut serta untuk menjayakan misi berkenaan dalam usaha bersama- sama menghulurkan bantuan kepada para pegawai dan kakitangan yang terkesan dengan situasi banjir di Negeri Johor.

Seramai 19 orang pegawai dan kakitangan telah terlibat dalam misi ini yang telah diketuai oleh En. Mohd. Reduan bin Mohd. Ali selaku wakil rasmi Jabatan bersama-sama turun padang ke dua buah lokasi berkenaan.

Konvoi misi ini telah berlepas daripada JLM Wilayah Selatan dalam keadaan hujan lebat tidak langsung mematahkan semangat peserta konvoi dalam usaha berkenaan.

SAMBUTAN HARI WANITA OLEH WARGA JLM WILAYAH SELATAN



21 Mac 2023 – Warga kerja JLM Wilayah Selatan telah menyambut sambutan Hari Wanita peringkat JLM Wilayah Selatan sebentar tadi. Dengan bertemakan “Kasih Wanita” seramai 22 orang pegawai dan kakitangan wanita Jabatan telahpun berkumpul bagi menyatakan hasrat memperkasakan lagi perkhidmatan di Jabatan khususnya dalam mendepani kemampuan dan ketrampilan wanita di dalam sistem penyampaian perkhidmatan. Sambutan yang merupakan julung-julung kalinya diadakan ini adalah diharapkan dapat mengeratkan lagi tali silaturrahim sesama pegawai dan kakitangan Jabatan.

LAWATAN UNIT KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN SARAWAK, SARAWAK COAST GUARD KE PEJABAT LAUT SIBU



21 Mac 2023 – Seramai 61 peserta dari Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak (UKPS), Sarawak CoastGuard yang mengikuti kursus *Engineer Officer <750kW Domestic Voyage and Near Coastal Voyage* dan *Mate Domestic <500GT Domestic Voyage* anjuran Pelitamas Laut Maritime Training Sdn. Bhd. telah mengadakan lawatan ke Pejabat Laut Sibu. Satu taklimat mengenai Bidang Kuasa Penguatkuasaan Maritim di Sarawak termasuk pendedahan mengenai pemakaian Ordinan Perkapalan Saudagar telah disampaikan oleh Encik Muhamad Azri bin Abdul Aziz (Penolong Pengarah, BKIM, Jabatan Laut Wilayah Sarawak)

PELAKSANAAN KERJA-KERJA TESTING AND COMMISSIONING (T&C) OLEH JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) KE ATAS 5 UNIT TANDARAH SUAR DI BAWAH PROJEK JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS), MUARA SUNGAI PAKA, TERENGGANU



21 Mac 2023 – Jabatan Laut Malaysia (JLM) selaku Agensi Teknikal telah hadir bagi kerja-kerja *Testing and Commissioning* (T&C) ke atas 5 unit tandarah suar yang baru dibina di Muara Sungai Paka, Terengganu dan ia merupakan jemputan daripada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sebagai pemilik dan penyelia projek di kawasan berkenaan. Wakil JLM yang terlibat adalah Pegawai Laut, Pasukan Teknikal dan Penolong Jurutera daripada Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) Ibu Pejabat Laut, Pelabuhan Klang dan BPTBP Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur.

Manakala wakil JPS terdiri daripada Wakil Pegawai Penguasa (WPP) projek dan kontraktor yang dilantik. Tujuan T&C dijalankan adalah bagi memastikan kesemua tandarah suar (merupakan salah satu Alat Bantuan Pelayaran) yang dibina oleh pihak JPS memenuhi keperluan/pematuhan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak JLM seperti ketinggian focal, jenis kelipan, ujian lampu pada waktu malam, jarak kenampakan dan sebagainya. Ianya selaras dengan pematuhan prosedur ISO 9001:2015. Kesemua tandarah suar ini akan diserahkan sepenuhnya kepada pihak JLM setelah tempoh jaminan tamat kelak. Ia juga berdasarkan keperluan dan kepentingan kewujudan Alat Bantuan Pelayaran tersebut kepada masyarakat perkapalan di sekitar kawasan berkenaan disamping menjamin keselamatan pelayaran juga.

FIRMA MEGA DISERU TAJA PELAUT SERTA PROGRAM MATE OF LESS THAN 500GT DOMESTIC VOYAGES (OPEN)



22 Mac 2023 - Jabatan Laut Malaysia (JLM) menyeru syarikat berpendapatan mega supaya turut menaja pelaut tempatan yang ingin mengikuti program *Mate of Less than 500GT Domestic Voyages (Open)* yang ditawarkan oleh Institut Latihan Maritim (ILM) yang diiktiraf oleh JLM. Pada tahun 2022, JLM telah berjaya mengurangkan durasi program bernilai tinggi ini dari 1 bulan kepada 1 minggu dalam inisiatif untuk meningkatkan pendapatan pelaut tempatan.



RAMADAN 2023 DISAMBUT DENGAN AKTIVITI PEMBERSIHAN PANTAI PULAU SONGSONG

26 Mac 2023 - Ketua - Ketua Pejabat Laut Wilayah Utara bersama pasukan bergotong-royong laksana aktiviti pembersihan pantai Pulau Songsong, Yan, Kedah sebagai meraikan ketibaan Ramadan Al-Mubarak 2023. Pulau Songsong merupakan salah satu dari 4 pulau destinasi 'hidden gem' di kawasan Jerai Geopark.

KUNJUNGAN HORMAT WAKIL DIPLOMATIK KEDUTAAN JEPUN KEPADA KETUA PENGARAH LAUT



28 Mac 2023 - YBrs. Ketua Pengarah Laut bersama Timbalan Ketua Pengarah Laut (Operasi), Timbalan Ketua Pengarah Laut (Perancangan) dan Pengarah Institut Latihan Pengangkutan Laut telah menerima Kunjungan Hormat daripada Wakil Diplomatik Kedutaan Jepun di Pejabat Ketua Pengarah Laut. Kunjungan ini adalah untuk sesi pengenalan Wakil Diplomatik Kedutaan Jepun yang baharu iaitu Hiroshi MORIOKA. Justeru, adalah menjadi harapan semoga kerjasama erat yang terjalin selama ini antara kedua-dua pihak dapat diteruskan pada masa hadapan.



PENGUSAHA SUNSET CRUISE AMBIL PELUANG PERBAHARUI SIJIL PENUMPANG

28 Mac 2023 - Pemilik 4 bot *sunset cruise* di Telaga Harbour - *WISE LEE*, *JUST FOR YOU*, *SEE E O* dan *CRAZY PARTY* ikuti pemeriksaan statutori mendapatkan Sijil Penumpang sebagai persediaan menerima permintaan tinggi semasa LIMA'23 pada 23 - 27 Mei 2023. Jualan tiket dalam talian kepada pelawat awam telah dibuka di: <https://limamalaysia.com.my/visitor/visit-lima>

PENGISIAN PROGRAM IHYA RAMADAN PERINGKAT JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



28 Mac 2023 - Jabatan Laut Malaysia (JLM) Wilayah Persekutuan Labuan dengan kerjasama Kelab Sukan Dan Kebajikan Jabatan Laut Labuan (KSKL) dan Surau Al-Amin, Kuarters Perumahan Jabatan Laut Labuan telah melaksanakan Program Agihan Kurma kepada Warga Kakitangan JLM Labuan dan Penduduk Kuarters. Pelaksanaan program ini memeriahkan lagi kedatangan bulan Ramadan Mubarak di samping menjalin hubungan harmoni dan keakraban dengan warga kerja dan penduduk setempat.

Tuan Alimuddin bin Amirudin, Pengarah Laut Wilayah diiringi Encik Mohammad Hafiz bin Deraman, Pengerusi Kelab KSKL serta Encik Nur Muhammad bin Subri, Pengerusi Surau Al-Amin Kuarters berkesempatan menyantuni dan menyampaikan sumbangan tersebut. Program seumpama ini perlu diteruskan bagi memupuk sifat berkongsi rezeki serta mengeratkan lagi ukhuwah perpaduan bersama kakitangan jabatan dan komuniti rukun tetangga.

PROJEK PERINTIS MALAYSIA BAGI IMO-NORWAY GREEN VOYAGE 2050 DAN IMO-PEMSEA BLUE SOLUTIONS

28-29 Mac 2023 - Kerajaan Malaysia, yang diwakili oleh Kementerian Pengangkutan (MOT), Jabatan Laut Malaysia (JLM), dan Institut Maritim Malaysia (MIMA), dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) telah dipilih untuk mengambil bahagian dalam Projek *IMO-Norway GreenVoyage2050* and *IMO-PEMSEA Blue Solutions*. Usaha persekitaran hijau dari PTP, seperti *Green Boats (Tug and/or Pilot Boats)*, seiring dengan tujuan IMO untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG).



Kerajaan Malaysia dan PTP telah bertukar surat komitmen, masing-masing diwakili oleh Kapten Mohamad Halim Bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut Jabatan Laut Malaysia, dan Encik Marco Neelsen, Ketua Pegawai Eksekutif PTP. *International Maritime Organization (IMO)* turut hadir untuk menyaksikan peristiwa bersejarah ini.

PTP sangat berbesar hati dengan kesempatan untuk berkolaborasi bersama Kementerian Pengangkutan dan bersungguh-sungguh ingin merealisasikan projek tersebut.

PTP juga percaya bahawa projek ini akan membantu negara dalam mencapai matlamat pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG). PTP akan memberi komitmen untuk mencapai aspirasi IMO untuk mengurangkan pelepasan GHG melalui program yang digariskan dalam *Decarbonization Roadmap*, seperti *Green Boats (Tug and/or Pilot Boats)*.



PROGRAM MARHABAN YA RAMADAN 1444H JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH SELATAN



28 Mac 2023 – 29 Mac 2023 – Program ini merupakan aktiviti kerohanian Jabatan dengan kerjasama penganjurannya oleh pihak Surau As-Sakinah, merupakan aktiviti tahunan yang mendapat sambutan di kalangan warga Jabatan dan penduduk kampung setempat. Seramai dua (2) orang penceramah yang telah didatangkan khas daripada Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Kaunter zakat fitrah turut diadakan bagi memudahkan semua warga Jabatan menunaikan zakat fitrah.

YBrs. Tuan Haji Dickson Dollah, Pengarah Laut JLM Wilayah Selatan dan Tuan Khairil Azizie bin Che Mat selaku Pengerusi Surau As-Sakinah turut hadir bersama-sama warga Jabatan memeriahkan program ini.

LIMA'23 - PERSEDIAAN SEMAKIN INTENSIF



29 Mac 2023 – Pelbagai pihak termasuk Agensi dan Jabatan Kerajaan, pihak swasta, NGO, komuniti perniagaan dan orang ramai rancak bekerjasama membuat pelbagai persediaan dan koordinasi bagi menjadikan acara LIMA'23 pada 23 – 27 Mei 2023 akan datang menjadi memori paling indah kepada para pengunjung. Jualan tiket dalam talian kepada pelawat awam telah dibuka, sila layari: <https://limamalaysia.com.my/visitor/visit-lima> untuk mendaftar dan membeli tiket anda.

PROGRAM BUBUR LAMBUK PERDANA 1444H ANJURAN MUKIM TANJUNG KUPANG, PEJABAT DAERAH JOHOR BAHRU DENGAN KERJASAMA JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH SELATAN

30 Mac 2023 – Program ini yang julung-julung kalinya diadakan ini merupakan aktiviti kerohanian Jabatan dengan kerjasama Surau As-Sakinah, Pelabuhan Johor Berhad, Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. serta kolaborasi dengan komuniti setempat.

YB Tuan Haji Pandak bin Haji Ahmad, ADUN Tanjung Kupang telah turun padang untuk program ini yang dirasmikan oleh YBrs Tn. Haji Muzaldin Bin Haji Muhammad, Pegawai Daerah Johor Bahru. Turut dihadiri oleh wakil-wakil dari Pelabuhan Johor Berhad, Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd, YBrs. Tuan Haji Dickson Dollah, Pengarah Laut Wilayah Selatan, Ketua-ketua Penolong Pengarah, Penghulu dan Ketua Kampung serta warga kerja Jabatan bersama-sama dengan penduduk kampung di Mukim Tanjung Kupang ini.



MRT LALUAN PUTRAJAYA

SIAP SEPENUHNYA



Panjang Keseluruhan Laluan

57.7 km (Kwasa Damansara ke Putrajaya Sentral)



36 Stesen

Bertingkat : 27 | Bawah tanah : 9



Jumlah Tren

49 set – dikawal secara automatik tanpa sumber manusia



Kos Pembinaan

RM30.53 bilion




Jangkaan 104,000 Pengguna Sehari

:: Melalui lokasi tumpuan warga kota bekerja antaranya Sungai Besi, Chan Sow Lin & Ampang Park

:: Dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas dari Putrajaya & Seremban ke Kuala Lumpur

STESEN MRT LALUAN PUTRAJAYA


(Dibuka pada 16 Jun 2022) **FASA 1**



Sumber : Jabatan Penerangan Malaysia

STESEN MRT LALUAN PUTRAJAYA

(Dibuka pada 16 Mac 2023) **FASA 2**



KEMUDAHAN DITAWARKAN

- Pembayaran tanpa tunai guna kad Touch & Go
- Di stesen HKL antaranya:
 - :: Eskalator & tangga tidak terlalu tinggi
 - :: Travelator seperti di terminal lapangan terbang
- Mesin pembayaran dilengkapi sistem transaksi bagi:
 - :: Kad ATM
 - :: Jam tangan pintar

TAMBANG PERCUMA!

- Bermula **16 hingga 31 Mac 2023**
- Pengguna perkhidmatan **Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Putrajaya**
- Termasuk bas perantara meliputi **MRT Laluan Putrajaya dari Kwasa Damansara sehing Putrajaya Sentral**

Sumber : Jabatan Penerangan Malaysia

HARI PENGGUNA KEBANGSAAN

Tahukah anda!

Hari Pengguna Kebangsaan disambut
pada **15 Mac** setiap tahun



KETAHUI HAK ANDA SEBAGAI PENGGUNA

8

HAK ANDA SEBAGAI PENGGUNA

01

Hak untuk
mendapatkan
keperluan asas

02

Hak untuk
mendapatkan
maklumat

03

Hak untuk
mendapatkan
keselamatan

04

Hak untuk
menyuarakan
pendapat

05

Hak untuk mendapat
pendidikan pengguna

06

Hak untuk
membuat pilihan

07

Hak untuk
mendapatkan
ganti rugi

08

Hak untuk
mendapatkan alam
sekitar yang sihat
dan selamat

Sumber : Jabatan Penerangan Malaysia

APAKAH KEPENTINGAN HAK-HAK PENGGUNA?

Pengguna perlu mengetahui hak-hak mereka agar tidak mudah tertipu. Antara kepentingan hak-hak pengguna ialah :



Sumber : Jabatan Penerangan Malaysia

BAHAN - BAHAN:

• **Bahan-bahan untuk kisar halus:**

- 7-8 biji bawang merah
- 5 ulas bawang putih
- 3 inci halia
- 2 inci kunyit hidup
- 2 inci lengkuas
- 3 batang serai
- 15-20 tangkai cili kering
- sedikit air

• **Bahan-bahan untuk sangai:**

- 1 sudu besar biji ketumbar
- 1 sudu kecil biji jintan putih
- 1 sudu kecil biji jintan manis

• **Bahan-bahan untuk lain:**

- 2 cawan minyak masak
- 1 kilo daging lembu
- 2 cawan santan cair
- 1 mangkuk santan pekat
- 1 keping asam keping
- 2-3 sudu besar kerisik
- 1-2 helai daun kunyit
- 2-3 helai daun limau purut
- gula melaka secukup rasa
- garam secukup rasa

TIPS:

- Kunyit hidup akan buat rendang lebih wangi dan lebih sedap.
- Untuk tahu arah lawan urat, tengok arah selari urat dan potong arah yang bertentangan.
- Lebihkan sikit minyak bila memasak sebab kita nak bagi naik bau bahan kisar dan masak garing, lebihan minyak boleh dikeluarkan nanti.



Rendang Baging

CARA PENYEDIAAN:

- Buang tulang tengah daun kunyit kemudian gulung dan hiris nipis. Simpan dalam bekas bertutup untuk mengelakkan daun kering.
- Cincang kasar bawang merah, bawang putih, halia, kunyit hidup, lengkuas dan serai.
- Masukkan bahan cincang, air dan cili kering (telah direbus) ke dalam pengisar.
- Kisar halus (jangan terlebih kisar, pastikan masih ada serat halus).
- Potong daging (arah lawan urat) kepada ketulan sederhana dalam dua (2) inci.
- Sangai (goreng tanpa minyak) biji ketumbar, biji jintan putih dan biji jintan manis sampai garing atau sehingga naik bau.
- Masukkan rempah tadi ke dalam lesung batu dan tumbuk halus.
- Panaskan minyak dan masukkan bahan kisar sehingga pecah minyak.
- Masukkan daging.
- Masukkan rempah yang telah dikisar dan kacau sikit.
- Masukkan santan cair.
- Renehkan sehingga daging masak empuk.
- Bila dah kering dan daging masak empuk, masukkan santan pekat.
- Masukkan asam keping dan masak sehingga kuah pekat.
- Masukkan kerisik dan hirisan daun kunyit.
- Masukkan daun limau purut yang telah dibuang tulang tengah.
- Masukkan gula melaka.
- Akhir sekali masukkan garam secukup rasa.

EDITORIAL BULETIN JABATAN LAUT MALAYSIA



Mohammad Hisham Bin Ali
Ketua Editor



Kapten Mohamad Halim Bin Ahmed
Penasihat

EDITOR- EDITOR



**Reeta a/p
Francis**



**Mohamad Najdi Naim
Bin Mohd Tarmizi**



**Azham
Bin Abd Razak**



**Sharifah Taherah Bt
Shabbir Ahmad**



**Siti Norparlila Bt
Sidek**



**Asrul Hafandi
Bin Awang Haji**

Diterbitkan oleh:

UNIT KORPORAT

Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia

Peti Surat 12, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Klang,
Selangor Darul Ehsan.

korporat@marine.gov.my